

BAB III

TUGAS DAN TANGGONG JAWAB PENJAGA

Pengenalan : Tanggongan Sacara Am.

Semua tanggong jawab tugas-tugas dan hak-hak penjaga adalah diterangkan dalam berbagai-bagai undang-undang bertulis.

Seksyen 3 Guardianship of Infant Act 1961 memperuntukan:

"The guardian of the person of an infant shall have the custody of the infant and shall be responsible for his support, health and education".

Salain daripada itu Children and Young Person Ordinance 1947 pula memperuntukan bahawa adalah menjadi kesalahan jenayah kalau saorang ibubapa atau penjaga lalai memberikan jagaan yang wajar kapada anak-anak di bawah jagaannya. Spiro mengatakan⁴⁴:

"Parent must support their children ie. Supply them the necessary food, clothing, shelter, medicine, instruction, etc. The care for the person of the child which is an incident of the parental power to include the right and duty of parents to feed, nurse, bring up and educate their children.

⁴⁴ Erwin Spiro. Law of Parent and Child JUTA, 3rd Ed. Cape Town 1971, halaman 21.

Dari peruntukan-peruntukan undang-undang bertulis tersebut dapatlah kita merumuskan bahwa seseorang penjaga adalah dikenakan tanggungan di sisi undang-undang untuk memberi jagaan atau kawalan yang sempurna terhadap anak-anak di bawah jagaannya seperti memberi nafkah atau saraan, pakaian, perlindungan dan tempat tinggal dan lain-lain. Seperti mana menurut Family MR⁴⁵:

"A guardian is not only a trustee of a property as in ordinary case of trustee, but he is also a guardian of the person of the infant with many duties to perform such as to see his education and maintenance of all the property which he get into his possession in the character of guardian he is trustee for the benefit of the infant ward..."

Di dalam bahagian ini kita akan melihat tanggong jawab seseorang penjaga dalam beberapa aspek seperti berikut:

- i. Tanggong jawab untuk memberi nafkah.
- ii. Tanggong jawab untuk memberi perlindungan.
- iii. Tanggong jawab untuk menjaga harta kanak-kanak.
- iv. Tanggong jawab untuk memberi pelajaran.
- v. Tanggong jawab sebagai penjaga untuk mahsud-maksud perkawinan.

I: Tanggungan Memberi Nafkah

Di bawah common law bapa tiada tanggungan civil secara langsung untuk menyara atau memberi nafkah kepada anak-anaknya. Seterusnya bapa tiada bertanggong jawab atas hutang-hutang yang

⁴⁵ Mathew v Brise (1851) 14 Beav. 341, 345

dibuat oleh anaknya walaupun hutang-hutang itu adalah untuk keperluan anak itu kecuali si bapa telah memberi persetujuan atas kuasa kepada anak itu untuk berbuat demikian⁴⁶. Tetapi hari ini kedudukan saumpama itu telah berubah. Badan perundangan telah mengenakan tanggong jawapada penjaga terhadap anaknya. Seksyen 3 Guardianship of Infant Act memperuntukan bahawa penjaga adalah bertanggong jawab memberi nafkah pelajaran dan sabagainya. Seksyen tersebut mengatakan:

"The guardian of the person of an infant shall have the custody of the infant and shall be responsible for his support, health and education".

Perkataan "support" kalau diberi ma'ana biasa termasuklah memberi nafkah.⁴⁷

i. Di Bawah Married Women and Children (Maintenance) Ordinance 1950)

Di bawah Married Women and Children (Maintenance) Ordinance 1950⁴⁸, diperuntukan sekiranya mana-mana pihak gagal atau enggan menyara anaknya yang sah yang mana anak itu belum lagi berupaya atau tidak ada kesanggupan untuk menyara dirinya sendiri, mahkamah boleh membuat perentah kepada orang itu supaya membuat bayaran bulanan untuk menyara anaknya mengikut jumlah yang difikirkan menasabah oleh mahkamah.⁴⁹

⁴⁶ Nortimore v Wright (1840) 6 M & W 482. Juga lihat Bevan - Law Relating to Child, Butterworth 1973, Bab 14.

⁴⁷ The Oxford English Dictionary, Vol X, 1971 Nuka Surat 208.

⁴⁸ No. 36 Tahun 1950.

⁴⁹ Seksyen 3 Married Women & Children (Maintenance) Ord. 1950.

Di bawah common law tanggongan ini diletakkan kapada kedua ibubapa tetapi di Malaysia Barat dari tafsiran seksyen 3 Ordinan tersebut nampaknya bapa yang diperentahkan berbuat demikian. Sementara itu perentah nafkah yang telah dibuat itu boleh dikuatkuasakan di bawah Married Women & Children (Enforcement of Maintenance) Act 1968⁵⁰.

ii. Di Bawah Divorce Ordinance 1952

Di bawah Divorce Ordinance 1952⁵¹, ada diperuntukan dalam mana-mana guaman untuk perentah penceraian, pembubaran perkawinan atau pembatalan perkawinan, selalunya mahkamah akan menimbangkan tentang nafkah atau saraan anak yang terlibat dalam guaman tersebut⁵².

iii. Di Bawah Undang-Undang Islam

Di bawah undang-undang islam pula sacrang bapa adalah terikat untuk memelihara anak laki-lakinya yang remaja sahingga anak itu dewasa dan akan perempuannya yang belum berkhawinan, atau anak perempuan yang telah menjadi janda atau bercerai. Sacrang bapa tidak dikehendaki menjaga atau memelihara anak laki-lakinya yang telah dewasa kecuali ia tidak mempunyai keupayaan oleh kelemahan atau penyakit. Mengikut Undang-Undang Islam, ibubapa, datok dan keturunannya mestilah saling membantu dengan

50 No. 8 Tahun 1968.

51 No. 74, Tahun 1952.

52 Seksyen 3 Divorce Ordinance 1952.

tidak mengira jantina dengan syarat pihak yang dituntut itu mempunyai harta yang lebih dari cukup untuk dirinya, Mengikut susunan, bapa adalah orang yang pertama untuk menyara anaknya, kemudian barulah anak itu menuntut nafkah dari ibunya. Jika kedua ibubapanya tiada barulah anak itu bolih menuntut nafkah dari datoknya yang hampir⁵³.

Dalam kes Alus v Mahmood⁵⁴, mahkamah di Selangor telah memutuskan bahawa selepas penceraian, bapa tidak lagi bertanggong bagi nafkah anaknya, Sahingga kathi memutuskan bagi nafkah mereka. Namun demikian saorang suami adalah bertanggong bagi nafkah yang lalu jika perentah kathi itu telah dibuat atau pun kathi telah memberi kuasa kapada isteri utuk mendapatkan belanja nafkah bagi anaknya dari bekas suaminya itu. Hari ini undang-undang mengenai nafkah bagi orang-orang islam adalah terkandong dalam undang-undang agama islam tiap-tiap negeri..

Di Selangor, Pahang, Pulau Pinang, Melaka, Negeri Sembilan, Kedah dan Perak undang-undang pentadbiran Agama Islam memperuntukan saorang anak di bawah umur 15 tahun dan di Kelantan dan Trengganu, saorang anak di bawah umur 15 tahun. bolih membuat permohonan kapada mahkamah kathi besar atau Mahkamah Kathi untuk mendapatkan nafkah dari bapanya

53 Nawawi - Minhaj Et Talibin, (Terjemahan Howard) London, halaman 389. Juga Lihat Ahmad Ibrahim - Family Law in Malaysia & Singapore, Faculty of Law, University of Malaya 1973, halaman 314 - 315.

54 E. H. Taylor - Malay Family Law (1939) JMFRAS Nuka Surat 67.

atau juga lain-lain. Pihak yang mana menurut undang-undang Islam patut menanggongnya⁵⁵.

Sementara itu di Perlis diperuntukan bahwa seseorang yang berumur di bawah 18 tahun atau seseorang yang tidak dapat menanggong dirinya kerana kelemahan atau penyakit bolih mengemukakan permohonan kepada mahkamah kathi atau naib kathi untuk mendapatkan nafkah dari bapanya⁵⁶.

II: Tanggongan Memberikan Pelajaran.

Di bawah common law dan ekuiti adalah menjadi satu tugas moral dan social seseorang penjaga untuk memberikan pelajaran kepada anaknya. Education Act⁵⁷, mengenakan tanggongan kepada satiap penjaga untuk memberikan pelajaran kepada anaknya seperti mana menurut seksyen 22(2) akta tersebut. Seksyen tersebut mengatakan:

"The Yang Di Pertuan Agong may, where he is satisfied that sufficient places exist in national primary school or national type primary school in the Federation or any part thereof make regulation providing for,

55 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 1952, Seksyen 140-141
Enakmen Pentadbiran Agama Islam Pahang 1956, Seksyen 130-140
Enakmen Pentadbiran Agama Islam Pulau Pinang 1959, Seksyen 135-139.
Enakmen Pentadbiran Agama Islam Melaka 1959 Seksyen 133-134
Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan 1960 Seksyen 134-135
Enakmen Pentadbiran Agama Islam Kedah 1962 Seksyen 135-136
Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak 1965 Seksyen 139
Enakmen Mahkamah Syariah dan Hal-Hal Perkhawinan Kelantan 1966
Seksyen 84-85
Enakmen Pentadbiran Agama Islam Trengganu 1955 Seksyen 116-119*

56 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perlis 1963, Seksyen 103.

57 No 43, Tahun 1961

- (a)
- (b)
- (c) The duties of parent of such children to secure the children's attendance at primary school, the enforcement of such attendance and the imposition of imposition of penalties upon any parents failing to comply with the regulation.

Di bawah akta ini nampaknya Yang Di Pertuan Agong dengan kuasa yang diberi oleh akta itu belih dengan budibicara nya membuat peratoran-peratoran untuk memerentahkan ibubapa supaya menjamin yang anaknya mendapat pelajaran disekolah. Panjaga (parent) di sini termasuklah "guardian" atau sesiapa sahaja yang ada kawalan disisi undang terhadap seseorang kanak⁵⁸. Sakiranya kedua-dua ibubapanya itu masih tinggal bersama maka tugas itu adalah ditanggung bersama⁵⁹.

Pelajaran di sini bukanlah sahaja pelajaran keduniaan (secular) tetapi juga meliputi pelajaran keagamaan. Mengenai pelajaran keagamaan ini terserahlah kepada ibubapa untuk menentukan apakah pendidekan agama yang mesti diberi kapada anaknya. Ini dapat kita lihat dalam Re Chee Peng Quek⁶⁰ dimana dalam kes itu seorang anak perempuan berumur lebih kurang 16 tahun

⁵⁸ Lihat Tafsiran "parent" di bawah Education Act 1961.

⁵⁹ Plunkett v Alker (1954) 1 QB 420.

⁶⁰ Lihat Editorial Notes (1963) MLJ LXXIX.

telah meninggalkan ibubapanya dan tinggal bersama-sama dengan keluarga melayu. Dua hari selepas itu ia telah memeluk agama Islam. Kemudian bapanya menuntut semula supaya anak itu dikembalikan kapadanya. Di dalam kes itu mahkamah memutuskan bahawa bapa kanak-kanak itu biasanya adalah menjadi penjaga kanak-kanak itu dan berhak menentukan agama anak itu⁶¹.

Tambahan lagi Perlembagaan Malaysia ada membuat peruntukan bahwa agama bagi seseorang kanak-kanak yang berumur ^{diberi bawah} 18 tahun adalah ditentukan oleh ibubapanya atau penjaga kanak-kanak tersebut⁶².

Di bawah common law ibubapa atau penjaga diberi hak untuk mengenakan hukuman atau denda yang berpatutan untuk maksud-maksud memperbaiki atau membetulkan kesalahan yang telah dilakukan oleh kanak-kanak itu⁶³. Bila ibubapa menghantarkan anak mereka ke sekolah, dia dianggap wakilkan kuasanya kapada pihak sekolah untuk mengenakan hukuman yang berpatutan sakiranya anak itu melanggar peraturan-peraturan sekolah. Jadi perkara-perkara yang tersebut tadi adalah merupakan pendidekan moral kanak-kanak itu seperti mana menurut Spiro⁶⁴.

"Education may be more fully analysed as follows:-

(a) Parent have to develop the child body i.e to provide hygenic condition and healthy sorrounding to

⁶¹ Juga Lihat Re Maria Hertagh (1951) MLJ 164

⁶² Perlembagaan Malaysia, Perkara 12 fasal 4.

⁶³ R v Hopley (1860) 2 F & F, 202, R v Woods (1921) 85 JP 272.

⁶⁴ Ibid., halaman 82.

encourage participation in sport etc.

(b) Parent have to mould the child's character, the child must inter alia be taught to be honest , truthful, obedient and respectful to wards parent and teachers".

Di bawah undang-undang Islam, konsep pendidikan ini lebih luas seperti mana menurut Nawawi⁶⁵:

"By the education of a child is understand:

1. It's supervision for all those matters in which it could not act for it self.
2. The care given to it and the cultivation of it's mind.

Jadi ini meliputi apa-apa perkara yang mesti diawasi oleh seseorang penjaga dimana kanak-kanak itu masih belum bolih bertindak sendiri seperti tugas menyusukan anak itu seperti mana menurut Nawawi⁶⁶:

"The education of child implies also the duty of suckling or having it suckled if it is not yet weaned".

III. Tanggungan Memberikan Perlindungan

Perlindungan yang dimaksudkan di sini ialah perlindungan "physical" dan moral kapada kanak-kanak itu. Perlindungan secara physical bolihlah diertikan sebagai memberikan perlindungan kapada diri kanak-kanak itu seperti memberi makanan, pakaian,

⁶⁵ Ibid., halaman 391

⁶⁶ Ibid., halaman 392

tempat tinggal dan lain-lain. Perlindungan dari segi moral, ialah menjaga kanak-kanak itu daripada kanak itu daripada terdedah kapada perkara-perkara yang boleh membahayakan atau merosakan moral kanak-kanak itu.

Di bawah common law dan statut seseorang penjaga adalah dikenakan tanggungan untuk melindungi kanak-kanak itu atau siapa sahaja di bawah jagaannya daripada bahaya-bahaya physical dan moral. Selain daripada mengenakan hukuman yang menasabah, seseorang penjaga adalah bersalah kalau ia melakukan kecederaan physical yang melebihi had-had yang menasabah, Seseorang penjaga adalah bersalah disisi undang-undang jenayah kalau ia gagal memenuhi tugasnya untuk memenuhi keperluan hidup anak itu. Sekiranya anak itu mati disebabkan kegagalan untuk memenuhi tugasnya bagi memenuhi keperluan-keperluan hidup itu, ibubapa atau penjaga boleh dithabitkan atas kegagalan itu⁶⁷, atau pun kalau penjaga itu tidak memberikan makanan dan anak itu mati kelaparan⁶⁸ atau pun tidak memberikan bantuan atau pertolongan dari segi perubatan⁶⁹ adalah menjadi kesalahan jenayah⁷⁰ Seksyen 3 Guardianship of Infant Act⁷¹ memperuntukan bahawa penjaga mestilah bertanggong jawab atas kesihatan anak di bawah jagaannya.

⁶⁷ R v Middleship (1850) 5 Cox cc 275

⁶⁸ R v Habbett (1851) 9 Cox cc 339

⁶⁹ R v Senior (1899) 1 QB 283

⁷⁰ Lihat Seksyen 309A dan 317 Kanun Keseksyen (NM) Bab 45.

memperuntukan bahwa seseorang penjaga mestilah memberikan makanan yang cukup, pakaian, tempat tinggal dan bantuan perubatan. Sekiranya ibubapa atau penjaga gagal berbuat demikian, maka ini adalah menjadi kesalahan jenayah kepada ibubapa atau penjaga tersebut⁷³. Ordinan ini adalah dikenakan kapada semua bangsa.

Jadi tanggongan untuk memberikan perlindungan kapada kanak-kanak itu adalah satu tanggongan yang luas yang dikenakan kapada semua penjaga sapertimana menurut Spiro⁷⁴:

"The right and duty of parent to bring up their children may be analysed as followed:

- a). Parent have to feed their children.
- b). Parent have to clothe their children.
- c). Parent have to give their child shelter more particularly the shelter of a roof.
- d). Parent have to protect their child i.e. that the child does not suffer harm.
- e). Parent have to attend to their child when it has fallen sick. They have more particularly to supply medicine, to employ doctor and bring it to hospital if need be.

♦

⁷² No 33, 1947

⁷³ Lihat Seksyen 3, 4 dan 5.

⁷⁴ Ibid., halaman 82.

Tetapi nampaknya apa yang dicadangkan oleh Spiro itu terlalu ideal, yang tidak mungkin dapat dilaksanakan oleh sagenap lapisan masyarakat. Mungkin orang-orang yang tertentu sahaja berbuat demikian. Umpamanya di Malaysia tidak mungkin perkara-perkara itu dapat dilaksanakan oleh semua orang. Di Malaysia jarang sekali kita dengan tindakan diambil terhadap kedua ibubapa atau penjaga yang gagal. Ini mungkin kalau tindakan diambil terhadap mereka, ini akan menimbulkan ketumitan dan masaalah yang lebih kompleks lagi.

IV: Tanggong Jawab Sabagai Penegang Amanah.

Disisi undang-undang tanah, seseorang kanak-kanak tidak boleh memegang harta tanah atau apa-apa kepentingan atas tanah itu, hanya seseorang yang telah mencapai umur dewasa tahu sahaja boleh berbuat demikian⁷⁵. Dalam semua keadaan, kepentingan ekuiti atas harta itu adalah di letak hak kepada kanak-kanak itu dan kepentingan disisi undang-undang di-letak hak kepada pemegang amanah⁷⁶. Di sini kedua ibubapa tidak ada hak disisi harta kanak-kanak itu, dan kalau ia mengambil faedah atas harta itu, ia berbuat demikian dalam keupayaan sebagai pemegang amanah dan faedah-faedah itu mesti dikembalikan kepada kanak-kanak itu⁷⁷. Bila penjaga atau

⁷⁵ Lihat Kanun Tanah Negara Seksyen 43.

⁷⁶ Johnson, EL, Family Law, 2nd Edition Sweet & Maxwell London 1965, halaman 268.

⁷⁷ R v Sherrington (1832) 3 B & Ad 714, Morgan v Morgan (1737)

ibu bapa itu mengambil atau mengawal harta itu, ia berbuat demikian adalah dalam keupayaan "fiduciary" dan ia tidak bolih dapat atau menikmati faedah daripada harta itu untuk dirinya⁷⁸.

Nawawi⁷⁹ mengatakan sakiranya ada keperluan atau faedah, penjaga bolih menjual harta cilih kanak-kanak itu untuk satu balasan yang cukup dan menanam modal dari wang itu untuk urusan-urusan yang mendarangkan faedah kepada kanak-kanak itu.

V: Tanggong Jawab Memberi Izin Untuk Perkhawinan

Ibubapa atau penjaga adalah di bawah tugas untuk melindungi kanak-kanak di bawah jagaannya daripada berkhawin dibawah umur yang ditetapkan⁸⁰. Jika pihak-pihak masih lagi remaja dan belum pernah berkhawin, persetujuan dari ibubapa atau penjaga mestilah diperolehi terlebih dahulu⁸¹. Jika Kedua-dua ibubapa atau penjaga enggan memberikan izin, mahkamah bolih mengeluarkan izin untuk perkawinan itu.

Di bawah sistem undang-undang Islam pula, ada berbagai-bagai kaedah mengikut mazhab yang berlainan. Tetapi yang hendak diterangkan di sini ialah sistem di bawah mazhab shafii dimana ramai pengikut-pengikut mazhab ini di Malaysia Parat. Mazhab Shafii memerlukan persetujuan untuk perkawinan dari wali atau penjaga. Biasanya wali atau penjaga untuk maksud-maksud

⁷⁸ Johnson, Ibid., halaman 269. Lihat Juga In Re Haji Abdullah, deceased, (1910) 12 S.S.L.R 46

⁷⁹ Ibid., halaman 169.

⁸⁰ Di bawah undang-undang Islam tiada had umur yang ditetapkan.

⁸¹ Lihat Civil Marriage Ordinance 1952, Seksyen 10, Christian Marriage Ordinance 1956, Seksyen 9.

perkhawinan ialah bapa, sakiranya bapa tiada saudara laki-laki perempuan itu menjadi gantinya dan seterusnya. Perkhawinan tanpa persetujuan wali atau penjaga adalah batal menurut mazhab Shafii⁸².

82 Lihat Kes Syed Abdullah al-Shatiri v Sharifa Salma (1959) MLJ 137.